

Malaysia tambah aset di Beting Patinggi Ali

Tentera cukup kelengkapan pertahankan perairan dituntut lima negara

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia menambah aset ketenteraan dengan mengerah aset tentera udara dan darat ke perairan sekitar Beting Patinggi Ali di Sarawak, kawasan yang turut dituntut China dan empat negara lain.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata adalah penting untuk negara meletakkan aset Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Tentera Darat Malaysia (TDM) di kawasan pertindihan itu, bukan hanya Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Katanya, tindakan meletakkan aset ketenteraan di perairan itu yang turut dituntut Taiwan, Vietnam, Brunei dan Filipina bagi mengelakkannya dianggap dimi-

liki negara lain.

"Kita kawal keadaan dan letak aset di sana supaya tak jadi *doktrin estoppel* (menghalang individu daripada menuntut sesuatu), iaitu apabila anda meletakkan aset di sana (perairan) itu, ia menjadi milik anda.


"Jadi kita pun letak aset di sana kerana ia kawasan pertindihan yang mana masing-masing akan cuba membuktikan itu kawasan mereka. Kita pun akan buktikan dengan meletakkan aset di sana, aset kita lebih daripada mencukupi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas meninjau projek perumahan Satu Anggota Satu Rumah (SASaR) Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Sungai Besi, di sini, semalam.


Kapal pantau perairan

Mohamad mengulas laporan portal berita bahawa kapal peronda TLDM, KD Kelantan (PV175) dilaporkan berada di perairan sekitar Beting Patinggi Ali (Luconia Shoals) untuk memantau kehadiran kapal pengawal pantai China di perairan milik Malaysia yang kaya dengan sumber minyak dan gas itu.

Katanya, Malaysia tidak menganggap kehadiran kapal peng-



Mohamad bersama Affendi (kiri) melawat ruang pameran program Satu Anggota Satu Rumah (SASaR) ATM di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)



awal pantai China di perairan itu sebagai satu bentuk pencerobohan kerana ia adalah kawasan pertindihan.

Mengenai banjir di Johor yang

semakin buruk, beliau menjelaskan, Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan ATM sentiasa bersiap siaga untuk terus membantu operasi di negeri itu.

"MINDEF selalu bersedia. Beritahu saja kami, apa yang nak dibantu, kami pun sudah masuk Kluang, Johor, pasukan sudah ada di sana," katanya.